

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai sijil perolehan kerja kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran masa ini bagi kerja berikut:


| NOMBOR TENDER | TAJUK | TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK | KELAYAKAN KONTRAKTOR | TARIKH JUAL | TARIKH TUTUP | HARGA DOKUMEN |
|----------------------|--|--|--|----------------|-----------------|------------------|
| UTeM/BEN/ 08/2015 | TENDER BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM VOLTAN TINGGI, PETI SUIS UTAMA, PETI SUIS KECIL, PETI PEMBEKAL LAMPU HIGH MAST DAN JANAKUASA TUNGGU SEDIA SECARA TIDAK KOMPREHENSIF DI KAMPUS INDUK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA | 21 Mei 2015 Di Lobi Pejabat Pembangunan, Kampus Induk UTeM Masa : 10.00 Pagi | Pendaftaran: PKK/LPIPM Gred: G4 atau G5 atau G6 atau G7 Kategori: ME Pengkhususan: E04, E05 dan E11 | 21 Mei 2015 | 15 Jun 2015 | RM65.00 |

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan **14 Mei 2015** dan dijual mulai **21 Mei 2015** sehingga tarikh tutup tender iaitu **15 Jun 2015, jam 12.00 tengahari** pada waktu pejabat di alamat seperti berikut :

| HARI | WAKTU | TEMPAT |
|----------------|--|--|
| Isnin – Khamis | 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang | Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kampus Induk |
| Jumaat | 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang | 76100 Durian Tunggal Melaka |

3. Dokumen tender ini akan dikeluarkan dan dijual **21 Mei 2015** selepas taklimat dan lawatan tapak mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 sehingga **12 Jun 2015**. **Dokumen akan dijual pada yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.**
4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam sijil SPKK, hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan Pegawai Eksekutif Syarikat.
5. Penender dikehendaki membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang **ASAL** serta Sijil Taraf Bumiputera dan sesalinan bagi setiap sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).

6. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Tunai/Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**.
7. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan. **Sebarang kelewatan tidak akan diterima.**



.....
(Pegawai Unit Perolehan)

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6322 / 6093 / 6095 FAKS : 06-331 6296**